

PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID CINA BERDASARKAN SIKAP DAN KEMAHIRAN BAHASA

(Malay Language Learning Strategies Use Among Chinese Student Through Attitude and Language Skills)

ZAMRI MAHAMOD

Universiti Kebangsaan Malaysia

d-zam@ukm.edu.my

KAMILIAH AYU AB. GHANI

Universiti Kebangsaan Malaysia

kamiliahayu@gmail.com

WAN MUNA RUZANNA

WAN MOHAMMAD

Universiti Kebangsaan Malaysia

munaruzanna@ukm.edu.my

Dihantar pada:

10 Oktober 2015

Diterima pada:

25 Februari 2016

Koresponden:

d-zam@ukm.edu.my

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) dan kekerapan penggunaannya berdasarkan kemahiran bahasa dalam kalangan murid kaum Cina berdasarkan berdasarkan sikap. Seramai 181 orang murid kaum Cina tingkatan 4 di daerah Muar, Johor dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel adalah secara rawak. Instrumen soal selidik digunakan sebagai alat kajian. Instrumen kajian menggunakan skala Likert 1 hingga 5. Data dianalisis menggunakan *Statistic Package For Social Science* (SPSS) versi 22.0. Soal selidik ini terbahagi terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu maklumat demografi, strategi pembelajaran bahasa Melayu dan sikap. Data soal selidik ini di analisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa murid kaum Cina menggunakan SPB secara keseluruhannya pada tahap yang sederhana ($min = 3.45$). Strategi bertutur ($min = 3.55$) adalah strategi yang paling tinggi digunakan diikuti strategi mendengar ($min = 3.53$), menulis ($min = 3.43$) dan membaca ($min = 3.29$). Sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu menunjukkan tahap yang sederhana ($min = 3.49$). Dapatkan menunjukkan bahawa murid kaum Cina menunjukkan sikap yang positif terhadap ke semua strategi dalam kemahiran bahasa. Kesimpulannya, dapatkan kajian ini sedikit sebanyak dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dengan mengambil strategi pembelajaran sebagai salah satu kaedah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan bukan Melayu.

Kata kunci: Strategi pembelajaran bahasa, Bahasa Melayu, murid Cina, sikap, kemahiran bahasa

Abstract: This study was conducted to identify the Malay language learning strategies (MLLS) and frequency through language skill use among Chinese students in Muar, Johor. This study aimed to investigate the relationship of language learning strategies (LLS) by attitude. A total of 181 Chinese students form 4 selected for this study. The sample selection was random. This research uses a questionnaire as a major research tool to gather information about the use of language learning strategies. The instrument uses a Likert scale of 1 to 5. Data were analyzed using Statistic Package For Social Science (SPSS) version 22.0. The questionnaire is divided into three parts, namely demographic information, the Malay language learning strategies and attitudes. The questionnaire data were analyzed using descriptive statistics and statistical inference. The findings show that Chinese students use LLS as a whole in the medium level ($mean = 3.45$). Speaking strategies ($mean = 3.55$) was the highest strategy followed a strategy used to hear ($mean = 3.53$), write ($mean = 3.43$) and read ($mean = 3.29$). Student attitudes towards learning languages showing a moderate level ($mean = 3.49$). The results showed that the use of LLS influenced by the attitudes of students when studying Malay language. In conclusion, these findings could be used to some extent by the various parties to take learning strategies as a means to enhance Malay language proficiency among students, especially non-Malay students

Keywords: Language learning strategies, Malay language, Chinese students, attitude, language skills

PENGENALAN

Strategi pembelajaran bahasa (SPB) kian menjadi perhatian para pendidik dalam membantu murid mereka meningkat penguasaan bahasa mereka. Menurut Mohamed Amin (2000), strategi pembelajaran bahasa dilakukan bagi membantu murid menguasai proses pembelajaran dengan mudah, cepat, lebih menyeronokkan, lebih ke arah kendiri, lebih cekap dan lebih mudah dipindahkan ke situasi yang baru. Pengetahuan seseorang murid tentang strategi pembelajaran penting sebagaimana pentingnya seseorang murid memahami gaya pembelajaran yang sepatutnya diikuti. Dalam konteks pendidikan dan pembelajaran bahasa, pengetahuan tentang SPB amat diperlukan. Oleh itu, SPB ini amat penting dalam membantu murid terutamanya murid bukan Melayu dalam mempelajari bahasa.

SPB ini bukan sahaja dapat membantu murid dalam meningkatkan penguasaan dalam bahasa sasaran malah dapat membentuk murid berdikari dalam mempelajari bahasa tanpa bantuan daripada guru. SPB semakin diberi perhatian penyelidikan di Malaysia. Penyelidikan yang dijalankan lebih tertumpu kepada pembelajaran Bahasa Inggeris dan diikuti kajian yang dijalankan dalam BM dan bahasa lain (Kamarul Shukri 2009). Konsep kajian yang pada asalnya tertumpu kepada hasil dan proses pembelajaran telah pun beralih kepada proses pembelajaran. Para pengkaji telah menyedari kepentingan dan kelebihan yang ada dalam strategi dalam proses pembelajaran bahasa.

Sharala et al. (2014) menyatakan kebanyakan pengkaji pembelajaran bahasa kedua memberi pandangan bahawa strategi merupakan elemen yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing. Pengkaji lepas seperti Ellis (1994) dalam kajiannya meletakan SPB merupakan salah satu elemen yang penting dalam kerangka kerjanya. SPB juga penting dalam usaha membantu murid mempelajari dan menguasai bahasa yang disasar dengan baik dan berkesan.

Strategi merupakan satu cara belajar yang memerlukan penggunaan cara berfikir dan tindakan pelbagai tingkah laku yang boleh membantu murid mempelajari, memahami dan mengingati maklumat-maklumat yang diberikan. Strategi pembelajaran yang sesuai sering kali didapati mempunyai hubungan yang kuat dengan kecemerlangan prestasi bahasa (Zamri 2015, 2004,

Griffiths 2003). Oleh itu, satu kajian tentang SPB yang digunakan oleh murid kaum Cina dalam mempelajari BM perlu dilakukan bagi memperoleh maklumat yang berguna. Di samping itu, dapat memberikan manfaat kepada murid bukan Melayu dalam mempelajari BM sebagai bahasa kedua dengan lebih mudah dan berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran BM menjadi penting kepada semua murid setelah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyeragamkan pelaksanaan pendidikan BM sebagai bahasa penghantar rasmi dalam sistem persekolahan Malaysia mulai tahun 1982. Melalui dasar ini, semua murid harus menduduki peperiksaan dengan menggunakan BM sebagai medium. Lantaran itu, semua murid secara teorinya harus menguasai BM dengan baik (Zamri & Mohamed Amin 2008). Kemerosotan pencapaian dalam peperiksaan murid bukan Melayu dalam subjek BM semakin membimbangkan. Lembaga Peperiksaan Malaysia telah mengeluarkan laporan tentang kemerosotan peratusan pencapaian murid ini. Ini selari dalam kajian (Norsidah et al. 2010) mengatakan pencapaian mata murid BM dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi sekolah-sekolah menengah di negeri Johor sejak tiga tahun terbelakang menjadi isu dalam kalangan pendidik di negeri ini lantaran peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh murid amat kecil sekali.

SPB merupakan satu cara untuk membantu murid berjaya dalam menguasai pembelajaran bahasa. Kajian-kajian dalam penyelidikan BM oleh Mohamed Amin, Zamri dan Mohd Nazali (2001), Zamri et al. (2002) serta Supian (2003) mendapati bahawa kebanyakan murid cemerlang memperoleh pencapaian akademik BM jauh lebih banyak dan pelbagai SPB berbanding murid lemah (Zamri et al. 2001). Adalah penting murid dikehendaki mengenal pasti strategi pembelajaran masing-masing bagi memantapkan lagi keberkesanan pembelajaran yang diikuti. Biekey dan Rodman (1995) dalam Shareza (2003) menjelaskan bahawa proses pembelajaran adalah penting bagi seseorang murid mengenal jenis strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan dirinya sendiri. Hal ini adalah kerana strategi pembelajaran yang diamalkan oleh murid akan mempengaruhi pencapaiannya. Sebagai contoh

mempelajari BM selain daripada bahasa ibunda bukan satu perkara yang mudah terutamanya di dalam persekitaran yang tidak menggalakkan penggunaan bahasa tersebut. Pemilihan SPB yang sesuai dan mempelbagaikan strategi bahasa akan memberi satu kelebihan kepada murid untuk menguasai BM. Lantaran itu, guru serta murid harus memberi perhatian terhadap SPB demi kejayaan pembelajaran bahasa.

Dalam konteks penguasaan bahasa, setiap individu mempunyai tahap penguasaan bahasa yang berbeza dalam pembelajaran bahasa. Beberapa kajian mengenai hubungan SPB dengan penggunaan bahasa telah dilakukan dalam pelbagai konteks di seluruh dunia termasuk Puerto, Afrika Selatan, Jepun, Thailand, Taiwan, China, Singapura, Amerika Syarikat, dan Korea (Kamarul Shukri 2010). Murid cemerlang menggunakan pelbagai strategi dan penggunaannya strategi lebih efektif berbanding murid lemah bahasa. Hal ini menunjukkan strategi pembelajaran memberi kesan positif ke atas prestasi bahasa. Strategi yang digunakan oleh murid cemerlang bahasa boleh digunakan dan diadaptasikan dalam pembelajaran murid lemah. Strategi yang digunakan ini secara tidak langsung dapat membantu murid lemah mempelajari BM dengan lebih afektif dan berkesan (Sharala et al. 2014).

Kajian tentang penggunaan SPB dalam kalangan murid bukan Melayu mempelajari BM masih kurang dijalankan. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji penggunaan strategi dalam kalangan murid kaum Cina di daerah Muar berdasarkan strategi yang digunakan dalam mempelajari BM. Pengkaji memilih satu kaum sahaja kerana ingin mendapat maklumat yang lebih terperinci mengenai penggunaan strategi dalam kalangan murid kaum Cina. Seterusnya terdapat permasalahan dalam pembelajaran BM dalam kalangan murid bukan Melayu, terutamanya murid kaum Cina. Terdapat banyak pandangan daripada pengkaji-pengkaji lepas mengenai masalah ini. Menurut Zulkifley (1996), membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh murid bukan Melayu dalam mata pelajaran BM. Menurut beliau, murid bukan Melayu sukar mendapat keputusan yang membanggakan dalam peperiksaan BM.

Selain daripada masalah prestasi dalam peperiksaan ada juga penyelidik yang membuat kajian mengenai kesalahan bahasa yang dilakukan

dalam kalangan murid. Abdul Hamid (1990), dalam kajiannya mendapati bahawa kesalahan penggunaan perkataan atau istilah banyak dilakukan oleh murid bukan bumiputera terutamanya oleh murid kaum Cina.

Menurut Abdul Hamid (1990), kurangnya pendedahan terhadap BM merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan keadaan demikian. Dalam kajian yang dilakukan oleh Nursidah et al. (2010) pula menyatakan bahawa 89% murid bukan Melayu lemah dalam penguasaan tatabahasa. Menurut Chew dan Lee (2009) pula dalam kajiannya melaporkan murid-murid kaum Cina di SRJKC gagal menguasai sebutan dan penulisan BM. Jelaslah bahawa murid-murid kaum Cina memang menghadapi masalah dalam proses pembelajaran BM. Masalah yang dihadapi oleh mereka ini disebabkan oleh faktor dalaman yang berkaitan dengan diri mereka sendiri dan juga faktor luaran seperti pengaruh persekitaran, kaedah pengajaran guru yang kurang berkesan dan lain-lain lagi.

Sikap merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan murid dalam penguasaan pembelajaran bahasa kedua (Gardner 1983). Sikap negatif seperti membenci dan memandang rendah kepada sesuatu bahasa menyukarkan pembelajaran bahasa kedua (Nur Hayati 2002). Hal ini kerana murid yang menggunakan sikap yang negatif akan menggunakan strategi yang kurang berkesan dalam pembelajaran bahasa kedua. Kurangnya pendedahan kepada bahasa kedua menyebabkan murid mempunyai sikap yang negatif terhadap bahasa tersebut. Zamri dan Zarina (2001) menyatakan, kurangnya pendedahan terhadap BM seperti kurang membaca buku BM dan kurang berkomunikasi dalam BM dengan rakan-rakan merupakan faktor penyumbang kepada sikap negatif terhadap pembelajaran BM.

Kesimpulannya, SPB ini amatlah penting untuk murid mempelajari BM. Strategi yang digunakan dapat meningkatkan penguasaan murid dalam mempelajari BM. Murid yang kerap dalam mempraktikkan SPB yang pelbagai biasanya lebih berjaya dalam menguasai bahasa sasaran (Kamarul Shukri 2010; Zamri 2015). SPB perlu dikuasai oleh setiap murid, sekiranya strategi ini sesuai dengan cara murid belajar, maka ia akan membantu murid belajar dengan baik dan meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan (Zamri et al. 2002).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan SPBM dalam kalangan murid kaum Cina serta menguji hubungan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPB dalam kalangan murid Cina.

PERSOALAN KAJIAN

Sejajar dengan tujuan kajian, berikut adalah persoalan yang membentuk hala tuju kajian yang dijalankan.

1. Apakah SPBM yang digunakan oleh murid kaum Cina mengikut kemahiran bahasa?
2. Apakah tahap sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Secara umum, kajian ini berbentuk penyelidikan deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk meneroka fenomena penggunaan strategi pembelajaran dalam kalangan murid Kaum Cina. Kajian ini lebih bersifat kuantitatif dengan menggunakan set soal selidik sebagai instrumen kajian. Set selidik ini akan diedarkan kepada responden yang terlibat bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Kajian yang dijalankan menerusi kaedah deskriptif ini sering digunakan dalam pendidikan khususnya yang mengaitkan hubungan semua pemboleh ubah dalam konteks sedia ada seperti latar belakang, sikap dan pencapaian (Majid 2004). Justeru, reka bentuk kajian ini dianggap sesuai kerana penggunaannya yang menyeluruh, pengendalian yang mudah, pungutan data yang cepat, saiz sampel yang besar, maklumat secara terus dan keupayaan keputusan kajian digeneralisasikan.

Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan sekolah-sekolah menengah di daerah Muar, Johor. Sampel pula merupakan subkumpulan daripada populasi sasaran yang ingin dikaji oleh pengkaji dengan tujuan untuk membuat generalisasi ke atas populasi kajian. Langkah-langkah dalam pensampelan perlu dilakukan bagi mendapatkan sampel kajian yang boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi. Menerusi kajian ini sampel kajian terdiri daripada

murid-murid kaum Cina yang bersekolah di enam buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di daerah Muar, Johor. Sampel dipilih secara rawak dengan memilih 181 orang murid yang sedang belajar di tingkatan 4. Saiz sampel ditentukan dengan merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1990).

Jadual 1: Agihan murid mengikut sekolah

Sekolah	Bilangan Murid
SMK Dato Sri Amar Diraja	30
SMK Tun Perak	30
SMK Sungai Abong	30
SMK Tun Dr Ismail	35
SMK Raja Muda	35
SMK Parit Bunga	21
Jumlah	181

Jadual 1 menunjukkan agihan murid mengikut sekolah di daerah Muar. Sebanyak enam buah sekolah terlibat dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada murid kaum Cina tingkatan 4. Pengkaji memilih sampel mengikut jumlah populasi murid kaum Cina di enam buah sekolah berkenaan berdasarkan skop kajian.

Instrumen Kajian

Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data yang diubah suai daripada kajian Mohamed Amin (1996). Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A berkenaan dengan maklumat diri responden. Bahagian B mengenai strategi pembelajaran BM yang terdiri daripada empat (4), iaitu strategi mendengar, strategi bertutur, strategi membaca dan strategi menulis. Bahagian C ini berkenaan dengan sikap murid terhadap pembelajaran BM. Kajian ini telah menggunakan skala Likert lima mata.

Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kajian ini perlu dilakukan bagi melihat respons item yang diuji iaitu dari segi pemahaman item, aras kesukaran agar set soalan dapat difahami dengan mudah tanpa mengelirukan. Selain itu, kajian ini perlu dilakukan supaya soalan yang diberikan sesuai dengan kajian. Sebelum kajian dilakukan kepada responden sebenar, pengkaji

telah membuat kajian rintis terlebih dahulu untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item yang terkandung di dalamnya. Pengkaji telah membuat kajian rintis di sebuah sekolah menengah di Selangor. Wolf (1997) mencadangkan pemilihan 30 hingga 50 orang untuk menjalani ujian rintis adalah baik. Seramai 30 orang murid kaum Cina tingkatan 4 terlibat dengan ujian rintis tersebut.

Setelah kajian rintis dibuat pengkaji telah menguji dapatan yang diperoleh menggunakan *Alfa Combrach* untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan. Sekaran (2000) menyatakan sekiranya nilai *Alfa Cronbach* menghampiri nilai 1.0, kebolehpercayaan item adalah tinggi, baik dan Mohd Majid Konting (2004) menyarankan nilai *Alpha Cronbach* pada aras 0.70 ke atas, sebagai nilai Alpha yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan nilai *Alpha Cronbach* yang disarankan tersebut, iaitu 0.70 sebagai nilai kebolehpercayaan yang diterima.

Jadual 3 menunjukkan bahawa setiap pemboleh ubah yang dikaji mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan layak digunakan dalam kajian sebenar. Nilai *alpha Cronbach* bagi setiap pemboleh ubah tersebut iaitu strategi pembelajaran mendengar (0.865), strategi pembelajaran bertutur (0.902), strategi pembelajaran membaca (0.909), strategi pembelajaran menulis (0.825) dan sikap murid terhadap pembelajaran BM (0.877). Secara keseluruhan nilai *Alpha Cronbach* bagi instrumen strategi pembelajaran BM ialah tinggi (0.958) dan ianya kukuh dan kekal digunakan dalam kajian sebenar.

Jadual 3. Kebolehpercayaan instrumen kajian

Bil.	Pemboleh Ubah	Nilai Alpha Cronbach	Alpha Cronbach Keseluruhan
1	Strategi pembelajaran mendengar	0.865	0.958
2	Strategi pembelajaran bertutur	0.902	
3	Strategi pembelajaran membaca	0.909	
4	Strategi pembelajaran menulis	0.825	
5	Sikap murid terhadap pembelajaran BM	0.877	

Tatacara Penganalisis Data

Maklumat yang diperoleh dari borang soal selidik akan dikodkan dan diperoses serta dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Science* (SPSS) versi 22.0. Statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh tentang maklumat demografi responden. Dalam memerihalkan atau mendeskripsikan pemboleh ubah kajian, nilai min dan sisihan piawai merupakan ukuran kecenderungan memusat dan ukuran serakan yang digunakan. Peratusan turut digunakan terutamanya ketika menerangkan tahap penggunaan strategi-strategi pembelajaran. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan petunjuk interpretasi skor min yang telah dibina oleh Jamil (2002). Dalam nilai, interpretasi ini skor min ini, nilai bagi 1.00 hingga 2.33 adalah tahap rendah, 2.34 hingga 3.66 adalah

Statistik utama yang digunakan ialah MANOVA, korelasi Person dan korelasi Spearman. Dalam analisis yang dijalankan nilai darjah signifikan yang dipilih ialah ($p = 0.05$). Di samping itu, nilai ini dipilih untuk menggelakkkan daripada melakukan ralat jenis 1 (*Type 1 Error*). Interpretasi skor min sikap dan nilai pekali korelasi yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4. Interpretasi skor min sikap

Skor min	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Rendah (negatif)
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi (positif)

DAPATAN KAJIAN

Kajian dijalankan bagi menentukan SPBM dan sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM. Data kajian di analisis dengan menggunakan perisian SPSS 22.0. Analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan profil demografi kajian dan sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM.

Profil Demografi Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 181 orang murid dengan pelbagai latar belakang seperti lokasi,

jantina, aliran, gred BM PT3, taraf pendidikan ibu bapa dan anggaran pendapatan keluarga. Profil demografi kajian tersebut diuraikan seperti Jadual 5. Jadual 5 menunjukkan berdasarkan lokasi, seramai 90 orang (49.7%) murid bandar dan seramai 91 orang (50.3%) murid luar bandar. Berdasarkan jantina, seramai 90 orang (49.7%) murid lelaki dan seramai 91 orang (50.3%) murid perempuan. Seterusnya berdasarkan aliran, seramai 83 orang (45.9%) murid sains dan seramai 98 orang (54.1%) murid sastera. Berdasarkan gred BM PT3 menunjukkan seramai 41 orang (22.7%) gred A, seramai 29 orang (16.0%) gred B, seramai 20 orang (11.0%) gred C, seramai 29 orang (16.0%) gred D dan seramai 62 orang (34.3%) gred E.

Jadual 5. Profil demografi kajian

	Demografi	Kekerapan	Peratusan
Lokasi			
• Bandar	90	49.7%	
• Luar bandar	91	50.3%	
Jantina			
• Lelaki	90	49.7%	
• Perempuan	91	50.3%	
Aliran			
• Sains	83	45.9%	
• Sastera	98	54.1%	
Gred BM PT3			
• A	41	22.7%	
• B	29	16.0%	
• C	20	11.0%	
• D	29	16.0%	
• E	62	34.3%	

Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Kaum Cina mengikut Kemahiran Bahasa

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan strategi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang digunakan oleh murid kaum Cina.

- Strategi pembelajaran bahasa – Kemahiran mendengar murid kaum Cina

Jadual 5 menunjukkan bahawa setiap item dalam strategi mendengar yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap rendah, sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah “mendengar rakan berbangsa Melayu bertutur” (min = 3.97 dan sp = 0.86) berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling rendah ialah “mendengar radio dalam BM” (min = 2.13 dan sp = 0.98) berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan, strategi mendengar yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana (min = 3.53 dan sp = 0.56).

“mendengar radio dalam BM” (min = 2.13 dan sp = 0.98) berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan, strategi mendengar yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana (min = 3.53 dan sp = 0.56).

Jadual 5. SPB – kemahiran mendengar yang digunakan oleh murid kaum Cina

Bil.	Strategi Pembelajaran Kemahiran Mendengar BM	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Mendengar dengan teliti semasa guru mengajar di dalam kelas	3.88	0.78	Tinggi
2	Memberikan perhatian khusus kepada aspek tertentu bahasa (contohnya cara penutur menyebut bunyi sesuatu perkataan)	3.45	0.98	Sederhana
3	Mendengar rakan berbangsa Melayu bertutur	3.97	0.86	Tinggi
4	Menumpu sepenuh perhatian semasa guru mengajar di dalam kelas	3.81	0.91	Tinggi
5	Mendengar radio dalam BM	2.13	0.98	Rendah
6	Meminta rakan mengulangi perkataan BM yang baru didengar	3.25	1.18	Sederhana
7	Cuba untuk faham apa yang didengar tanpa mencari maksud dalam kamus	3.51	1.05	Sederhana
8	Mendengar teliti pengumuman di sekolah	3.60	0.98	Sederhana
9	Meminta penjelasan jika saya tidak memahami pada kali pertama saya mendengarnya	3.84	0.98	Tinggi
10	Mendengar orang yang bertutur BM dan cuba untuk faham apa yang mereka tuturkan	3.82	0.99	Tinggi
Keseluruhan		3.53	0.56	Sederhana

Rumusan daripada data ini adalah terdapat lima item menunjukkan nilai min yang tinggi. Murid kaum Cina menggunakan “strategi mendengar rakan berbangsa Melayu bertutur”. Strategi ini paling banyak digunakan dalam kalangan murid kaum Cina. Strategi menjadi pilihan murid ini kerana di dalam kelas murid kaum Cina ini di kelilingi dengan rakan berbangsa Melayu oleh itu strategi ini paling mudah digunakan oleh murid apabila murid berada di dalam kelas. Seterusnya, murid menggunakan strategi “mendengar dengan teliti semasa guru

mengajar di dalam kelas". Strategi ini paling kerap digunakan oleh murid semasa di dalam kelas. Daripada data ini menunjukkan bahawa murid banyak menggunakan strategi mendengar di dalam kelas. Diikuti dengan "strategi meminta penjelasan jika saya tidak memahami pada pertama kali pertama mendengarnya". Murid akan meminta penjelasan sekiranya tidak memahami sesuatu perkataan itu menunjukkan murid mempunyai rasa ingin tahu mengenai maksud sesuatu perkataan itu. Murid akan cuba memahami apa dituturkan dalam BM dan cuba untuk memahaminya. Kesimpulannya, daripada dapatkan data ini menunjukkan bahawa:

1. Murid kaum Cina ini memerlukan bantuan daripada guru dan rakan untuk mempelajari BM. Pada permulaannya, mereka akan mendengar apa yang dituturkan oleh guru dan rakan selepas itu murid akan meminta penjelasan apabila mereka tidak memahaminya.
 2. Murid akan cuba untuk memahami apa yang dituturkan dalam BM.
 3. Penggunaan SPB dalam kemahiran mendengar ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap yang sederhana
- b. Strategi pembelajaran bahasa – Kemahiran bertutur murid kaum Cina

Jadual 6 menunjukkan bahawa setiap item dalam strategi bertutur yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah "*meminta bantuan daripada rakan sekelas*" (min = 4.01 dan sp = 0.84) berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling rendah ialah "*memulakan perbualan dalam BM sekirap mungkin*" (min = 3.04 dan sp = 1.02) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, strategi bertutur yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana (min = 3.55 dan sp = 0.59).

Rumusan daripada dapatkan ini adalah terdapat tiga item yang menunjukkan nilai min yang tinggi berbanding dengan item yang lain menunjukkan tahap yang sederhana. Strategi yang digunakan oleh murid mendapat nilai min yang tinggi iaitu strategi "*bertutur dengan rakan berbangsa Melayu*" dan "*bertutur dengan guru*

dalam BM". Daripada hasil kajian pengkaji mendapati bahawa:

1. Murid kaum Cina gemar menggunakan strategi bertutur dengan guru dan rakan.
2. Murid kaum Cina ini juga menggunakan strategi dengan meminta bantuan daripada rakan sekelas. Tiga item ini menunjukkan strategi yang digunakan oleh murid kaum Cina dalam mempelajari BM.
3. Strategi yang digunakan oleh murid dalam kemahiran bahasa ini masih berada pada tahap sederhana.

Jadual 6. SPB – kemahiran bertutur yang digunakan oleh murid kaum Cina

Bil.	Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur BM	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Bertutur dengan guru dalam BM	3.92	0.99	Tinggi
2	Bertutur dengan rakan berbangsa Melayu	3.98	1.01	Tinggi
3	Bertanyakan soalan sebagai satu cara untuk turut serta dalam perbualan	3.54	1.04	Sederhana
4	Bertutur menggunakan bahasa formal	3.22	1.02	Rendah
5	Memulakan perbualan dalam BM sekirap mungkin	3.04	1.02	Sederhana
6	Berlatih bertutur menggunakan perkataan baru untuk membina keyakinan diri	3.30	1.11	Sederhana
7	Menggalakan orang lain membetulkan kesilapan dalam percakapan saya	3.51	1.02	Sederhana
8	Cuba topik yang baru dalam pertuturan	3.42	1.03	Sederhana
9	Merancang terlebih dahulu apa yang hendak saya tuturkan	3.56	1.05	Sederhana
10	Meminta bantuan daripada rakan sekelas	4.01	0.84	Tinggi
Keseluruhan		3.55	0.59	Sederhana

- c. Strategi pembelajaran bahasa – Kemahiran membaca murid kaum Cina

Jadual 7 menunjukkan bahawa setiap item dalam strategi membaca yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah "*mencari bahan bacaan yang mudah difahami*" (min = 3.91 dan sp = 0.89) berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling rendah ialah "*baca sebanyak mungkin buku dalam BM*" (min = 2.96 dan sp = 1.07) berada

pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, strategi membaca yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana ($\text{min} = 3.29$ dan $\text{sp} = 0.68$).

Jadual 7. SPB – kemahiran membaca yang digunakan oleh murid kaum Cina

Bil.	Strategi Pembelajaran Kemahiran Membaca BM	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Membaca semula teks BM untuk meningkatkan pemahaman	3.10	1.19	Sederhana
2	Membaca teks BM sekali imbas sebelum baca dengan teliti	3.08	1.09	Sederhana
3	Membaca dialog perbualan dalam BM	3.54	1.04	Sederhana
4	Baca sebanyak mungkin buku dalam BM	2.96	1.07	Sederhana
5	Mencari bahan bacaan yang mudah difahami	3.91	0.89	Tinggi
6	Membuat latihan membaca berulang kali	3.45	1.02	Sederhana
7	Buat catatan semasa membaca teks BM	3.25	1.15	Sederhana
8	Menyemak Sejauh mana saya memahami bahan bacaan yang dibaca	3.42	1.02	Sederhana
9	Membuat rumusan berdasarkan bahan yang dibaca	3.13	1.12	Sederhana
10	Meneka maksud teks BM tanpa melihat kamus	3.30	1.08	Sederhana
Keseluruhan		3.29	0.68	Sederhana

Rumusan daripada dapatan ini adalah terdapat satu sahaja item yang menunjukkan min yang tinggi daripada 10 item yang menunjukkan tahap yang rendah. Murid kaum Cina kurang menggunakan strategi dalam kemahiran membaca. Hal ini dibuktikan hanya satu sahaja item yang mendapat min yang tinggi, iaitu menggunakan strategi “mencari bahan bacaan yang mudah difahami”. Item yang lain masih digunakan oleh murid, tetapi berada di tahap yang sederhana. Daripada dapatan ini menunjukkan bahawa:

1. Murid kaum Cina masih lagi mencari bahan yang mudah dibaca dalam mempelajari BM. Bahan bacaan yang mudah difahami ini sahaja yang dapat membantu mereka dalam mempelajari BM. Daripada bahan bacaan yang mudah ini dapat meningkatkan kefahaman murid dalam BM dan bahan yang mudah dipelajari.

2. Selain itu juga dapat memperbaiki dan memperbanyak lagi kosa kata dalam BM yang akan mereka pelajari.
3. Bahan bacaan yang sukar difahami akan menyebabkan murid tidak faham dan akan menyebabkan murid tidak akan membaca
- d. Strategi pembelajaran bahasa – Kemahiran menulis murid kaum Cina

Jadual 8 menunjukkan bahawa setiap item dalam strategi menulis yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah “menulis perkataan yang mudah difahami” ($\text{min} = 3.87$ dan $\text{sp} = 0.87$) berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling rendah ialah cuba “menulis pelbagai jenis teks BM” (contohnya, nota peribadi, mesej dan surat) ($\text{min} = 3.07$ dan $\text{sp} = 1.20$) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, strategi menulis yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana ($\text{min} = 3.43$ dan $\text{sp} = 0.63$).

Rumusan daripada dapatan ini adalah terdapat dua strategi yang digunakan oleh murid dalam kemahiran menulis dengan nilai min yang tinggi iaitu strategi “menulis perkataan yang mudah difahami” dan “menggunakan kamus untuk membantu mencari perkataan dalam BM”. Daripada rumusan ini menunjukkan bahawa:

1. Murid kaum Cina gemar menulis perkataan BM yang mudah difahami iaitu murid kaum Cina menulis perkataan BM yang mereka faham dan tahu sahaja.
2. Murid kaum Cina juga menggunakan bahan seperti kamus untuk membantu mereka dalam menulis perkataan BM.
3. Bahan bantuan seperti kamus ini dapat membantu murid kaum Cina ini dalam menulis perkataan BM kerana bukan semua perkataan dalam BM murid kaum Cina tahu. Oleh itu, mereka memerlukan kamus untuk mencari perkataan BM.
4. Dengan bantuan daripada kamus juga murid akan dapat mempelajari BM dengan lebih mudah kerana mereka mengetahui lebih banyak perkataan BM dan dapat meningkatkan pemahaman mereka.
5. Strategi ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap yang sederhana.

Jadual 8. SPB – kemahiran menulis yang digunakan oleh murid kaum Cina

Bil.	Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis BM	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Berlatih menulis perkataan baru dalam BM	3.59	1.02	Sederhana
2	Menggunakan kamus untuk membantu mencari perkataan dalam BM	3.80	0.96	Tinggi
3	Menulis makna BM	3.29	1.11	Sederhana
4	Menyemak apa yang telah saya tulis sebelum sambung menulis	3.61	1.02	Sederhana
5	Menulis nota dalam BM	3.28	1.13	Sederhana
6	Tunjuk hasil tulisan kepada rakan berbangsa Melayu	3.11	1.12	Sederhana
7	Menyemak perkataan yang ditulis untuk perbaiki isi kandungan	3.49	1.03	Sederhana
8	Merancang cara menulis eseи dengan menulis rangka eseи terlebih dahulu	3.22	1.13	Sederhana
9	Menulis perkataan yang mudah difahami	3.87	0.87	Tinggi
1	Cuba menulis pelbagai jenis teks BM (contohnya, nota peribadi, mesej dan surat)	3.07	3.07	Sederhana
Keseluruhan		3.43	0.63	Sederhana

- e. Rumusan keseluruhan strategi pembelajaran bahasa mengikut kemahiran dalam kalangan murid kaum Cina

Secara keseluruhannya, dapatkan kajian menunjukkan SPBM yang digunakan oleh murid kaum Cina seperti Jadual 9. Strategi bertutur dalam kalangan murid kaum Cina ($\text{min} = 3.55$ dan $\text{sp} = 0.59$) mempunyai min yang lebih tinggi dan berada pada tahap sederhana. Seterusnya diikuti oleh strategi mendengar ($\text{min} = 3.53$ dan $\text{sp} = 0.56$) berada pada tahap sederhana, strategi menulis ($\text{min} = 3.43$ dan $\text{sp} = 0.63$) berada pada tahap sederhana dan startegi membaca ($\text{min} = 3.29$ dan $\text{sp} = 0.68$) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa strategi pembelajaran BM (SPBM) yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana ($\text{min} = 3.45$ dan $\text{sp} = 0.54$).

Jadual 9. SPBM mengikut kemahiran bahasa yang digunakan oleh murid kaum Cina

Bil.	Kategori Strategi Pembelajaran BM	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Strategi Pembelajaran Mendengar	3.53	0.56	Sederhana
2	Strategi Pembelajaran Bertutur	3.55	0.59	Sederhana
3	Strategi Pembelajaran Membaca	3.29	0.68	Sederhana
4	Strategi Pembelajaran Menulis	3.43	0.63	Sederhana
Keseluruhan		3.45	0.54	Sederhana

Sikap Murid Kaum Cina terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 10 menunjukkan bahawa setiap item dalam sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM berada pada tahap rendah, sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah “saya belajar BM kerana ingin lulus peperiksaan” ($\text{min} = 4.30$ dan $\text{sp} = 0.95$) berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling rendah ialah “saya tiada masalah dalam pembelajaran BM” ($\text{min} = 2.88$ dan $\text{sp} = 1.16$) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM berada pada tahap sederhana ($\text{min} = 3.49$ dan $\text{sp} = 0.69$). Kesimpulannya, daripada dapatkan data ini menunjukkan bahawa:

1. Tahap sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM menunjukkan tahap yang sederhana. Terdapat dua item menunjukkan tahap sikap yang tinggi dalam pembelajaran BM, iaitu murid belajar BM kerana ia mata pelajaran yang diwajibkan dan belajar BM kerana ingin lulus dalam peperiksaan. Lain-lain item memperoleh tahap sederhana dan rendah. Hal ini bermakna murid-murid kaum Cina kurang berminat mempelajari BM. Mereka hanya mempelajari BM untuk tujuan lulus peperiksaan sahaja. Mereka mempunyai sikap negatif terhadap pembelajaran BM.
2. Murid mempunyai kesedaran bahawa BM merupakan mata pelajaran yang diwajibkan dan BM juga merupakan syarat untuk memasuki ke universiti. Oleh itu, mereka belajar BM bukan untuk menguasainya tetapi sekadar untuk memenuhi syarat. Hal

- ini membuktikan bahawa mereka mempunyai sikap negatif terhadap pembelajaran BM.
3. Subjek BM senang untuk dipelajari dan tiada masalah dalam mempelajari BM pada tahap yang sederhana. Walaupun daptan ini menunjukkan tahap yang sederhana, pengkaji mendapati murid kaum Cina ini mempunyai masalah dalam pembelajaran BM dan mereka menyatakan BM merupakan mata pelajaran yang susah untuk dipelajari. Masalah ini dihadapi berkemungkinan pedagogi guru kurang berkesan dan tidak berpusat kepada murid. Oleh itu, guru harus mengubah cara pengajaran supaya menjadi lebih menarik. Justeru, sekiranya masalah ini tidak diatasi murid kaum Cina akan ini akan ketinggalan dalam pelajaran BM. Ramai murid Cina akan memasuki kelas pemulihan apabila BM mereka berada pada tahap kurang memuaskan.

Jadual 10. Tahap sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM

Bil.	Sikap Murid	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya suka belajar BM	3.20	1.28	Sederhana
2	Subjek BM senang untuk dipelajari	2.99	1.17	Sederhana
3	Saya tiada masalah dalam pembelajaran BM	2.88	1.16	Sederhana
4	Saya belajar BM kerana ia mata pelajaran yang diwajibkan	4.08	0.91	Tinggi
5	Saya belajar BM kerana ingin lulus peperiksaan	4.30	0.95	Tinggi
Keseluruhan		3.49	0.76	Sederhana

PERBINCANGAN

Setelah hasil daripada daptan kajian diperoleh pengkaji akan membincangkan daptan ini mengikut bahagian iaitu penggunaan SPB secara keseluruhan, penggunaan strategi mengikut kemahiran bahasa, sikap murid terhadap pembelajaran BM, hubungan strategi pembelajaran dengan sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM, penggunaan SPB berdasarkan lokasi, penggunaan SPB berdasarkan jantina, penggunaan strategi berdasarkan aliran kelas,

penggunaan SPB berdasarkan pencapaian dalam PT3, penggunaan SPB berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa, dan akhir sekali penggunaan SPB berdasarkan pendapatan keluarga.

Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Keseluruhan

Kajian ini mendapati tahap penggunaan strategi secara keseluruhan dalam kalangan murid kaum Cina adalah sederhana. Purata kekerapan penggunaan SPB secara keseluruhan ($\text{min} = 3.45$) dalam kajian ini menunjukkan tahap sederhana. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi daptan kajian secara keseluruhannya. Antara faktor yang mempengaruhi daptan tersebut ialah tahap keperluan penggunaan bahasa ibunda atau bahasa pertama dalam kehidupan sehari-hari peserta kajian. Mereka sudah tentu lebih banyak menggunakan bahasa ibunda bagi memenuhi keperluan sehari-hari dan berkomunikasi dengan masyarakatnya. Oleh itu, mereka kurang menggunakan BM sama ada di dalam kelas dan luar kelas. Mereka juga beranggapan tidak perlu mahir dalam BM kerana bukan bahasa yang mereka gunakan sehari-hari turut menyebabkan tahap penggunaan BM dalam kalangan murid kaum Cina amat membimbangkan. Senario ini telah dibuktikan dalam beberapa kajian seperti kajian seperti kajian Abdul Ghani (1993) dan Nasimah (2006). Akibatnya murid kurang menggunakan SPB dengan kerap dan pelbagai. Kajian lain turun menyokong iaitu kajian Siti Saniah dan Sharala (2012), Sharala (2014) serta Abdul Rahim dan Mohd Sharifudin (2014).

Selain itu, sikap murid kaum Cina terhadap BM menunjukkan pada tahap yang sederhana. Mereka beranggapan BM merupakan tidak penting dan tidak perlu mempelajarinya. Akibatnya, murid kurang berusaha untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan kurang menggunakan SPB secara kerap dan pelbagai. Berdasarkan kepada daptan kajian murid mempelajari BM hanya kerana BM merupakan mata pelajaran yang diwajibkan dan murid hanya mempelajari BM sekadar ingin lulus dalam peperiksaan sahaja. Mereka beranggapan bahawa penggunaan BM yang baik tidak penting kerana penggunaannya yang tidak meluas dalam masyarakat mereka kerana bahasa Cina merupakan bahasa ibunda mereka. Walau bagaimanapun murid kaum Cina menunjukkan sikap yang positif

pada keseluruhan kemahiran terhadap SPB ketika mereka mempelajari BM. Hal ini menunjukkan murid kaum Cina masih menganggap mempelajari BM masih penting. Penyataan kajian ini disokong dalam kajian daripada Zamri (2004), Jerie dan Zamri (2011), Siti Saniyah dan Sharala (2012) serta Abdul Rahim dan Mohd Sharifudin (2014).

Faktor guru mungkin penyebab penggunaan SPBM dalam murid kaum Cina secara keseluruhannya sederhana. Guru-guru kurang menguasai pendekatan kemahiran bahasa dalam pengajarannya di dalam kelas. Mereka kurang menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan murid dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam aktiviti kemahiran bahasa dalam kelas (Ab. Halim 2005) menyebabkan murid kurang terdedah dengan penggunaan SPB. Malah, murid-murid akan terbatas dalam mempelajari bahasa dan menggunakan strategi pembelajaran yang berkesan. Berdasarkan dapatan kajian peserta kajian menggunakan strategi “memberi sepenuh perhatian semasa guru mengajar” menunjukkan bahawa peserta kajian hanya mengharapkan bantuan guru dalam pembelajaran. Mereka lebih banyak menumpukan pemerhatian semasa guru mengajar di dalam kelas. Lantaran itu, peranan guru amatlah besar dalam pengajaran bahasa di dalam kelas. Faktor guru ini disokong dalam kajian Wan Mohd Hamadi (2008), Mohammad Shiham (2010), Yong Chyn Chye (2010), Mastura dan Kaseh (2012) serta Nur Ainil (2013).

Akhir sekali, ialah peserta kajian kurang terdedah dengan BM disebabkan BM merupakan bahasa kedua bagi peserta kajian maka mereka rasakan untuk menguasai bahasa ini kurang penting. Mereka merasakan mempelajari BM hanya di sekolah sahaja dan mereka tidak mempraktikkannya apabila keluar dari sekolah. Berdasarkan dapatan kajian murid hanya mempelajari bahasa di sekolah sahaja. Murid menggunakan strategi dengan menumpukan perhatian sepenuhnya semasa guru mengajar di dalam kelas berbanding mendengar radio dalam BM. Lantaran itu, pendedahan yang mereka terima apabila guru mengajar di dalam kelas sahaja. Mereka juga memerlukan bantuan daripada rakan berbangsa Melayu dalam mempelajari BM. Hal ini kerana, hanya di sekolah sahaja mereka dapat bergaul dengan rakan-rakan berbangsa Melayu. Penyataan ini disokong dalam kajian Wan Mohd Hamadi (2008), Mohammad Shiham (2010),

Mastura dan Kaseh (2012) serta Nur Ainil (2013). Oleh itu, kajian ini amat wajar dikaji bagi melihat sejauh mana penggunaan SPBM dalam kalangan peserta kajian. Selain itu, hasil kajian yang diperoleh dapat memberi maklumat kepada para guru dalam memperkemaskan lagi pedagogi di dalam kelas dengan memberi tumpuan kepada semua peringkat murid kaum Cina khususnya dan murid-murid lain yang lemah penguasaan BM mereka.

Penggunaan Strategi Mengikut Kemahiran Bahasa

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahasa SPBM yang digunakan oleh murid kaum Cina ini menunjukkan tahap yang sederhana ($\text{min} = 3.45$). Berdasarkan dapatan kajian mendapati murid kaum Cina kerap menggunakan strategi dalam kemahiran bertutur diikuti dengan strategi kemahiran mendengar dan membaca. Strategi kemahiran menulis paling rendah atau sedikit digunakan oleh murid kaum Cina ketika mempelajari BM.

SPBM kemahiran bertutur merupakan strategi paling banyak digunakan oleh murid kaum Cina ini berdasarkan tahap $\text{min} = 3.55$ yang diperoleh. Walaupun mereka banyak bertutur dengan rakan berbangsa Melayu dan bertutur dengar guru dalam BM, tetapi secara keseluruhannya mereka kurang menggunakan strategi kemahiran bertutur. Strategi bertutur BM yang digunakan oleh murid kaum Cina masih berada pada tahap sederhana. Mereka hanya bertutur BM di sekolah kerana di sekolah sahaja mereka berpeluang bertutur dengan rakan berbangsa Melayu dan guru. Penggunaan strategi bertutur terbatas apabila mereka berada di rumah kerana mereka menuturkan bahasa ibunda sahaja dengan ahli keluarga. Oleh itu, di sekolah sahaja mereka dapat berpeluang bertutur BM sekerap yang mungkin berbanding berada di luar sekolah. Kajian ini selari dengan dapatan kajian Zamri et al. (2000). Dapatkan ini juga selari dalam kajian Manprit dan Mohamed Amin (2011), Mastura dan Kaseh (2012), iaitu murid menggunakan strategi bertutur di dalam kelas bersama rakan-rakan dan guru.

Strategi kedua yang menjadi pilihan murid kaum Cina dalam SPBM ialah SPBM kemahiran mendengar dengan tahap $\text{min} = 3.53$. Daripada

dapatkan ini, didapati murid kaum Cina ini memerlukan bantuan daripada guru dan rakan-rakan untuk mempelajari BM. Pada permulaannya murid akan mendengar apa yang dituturkan oleh guru dan rakan selepas itu murid akan meminta penjelasan apabila mereka tidak memahaminya. Di samping itu, murid akan cuba untuk memahami apa yang dituturkan dalam BM. Walau bagaimanapun, penggunaan SPB dalam kemahiran mendengar ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap yang sederhana. Kajian ini selari dengan dapatan kajian Zamri et al. (2000), Manprit Kaur dan Mohamed Amin (2011), serta Sharala et al. (2014) yang menyatakan murid banyak menggunakan SPB mendengar guru dan rakan sekelas ketika belajar BM di dalam kelas. Hasil daripada dapatan ini menunjukkan murid kaum Cina menggunakan SPB dengan mendengar guru bertutur BM di kelas dan mendapatkan bantuan daripada rakan berbangsa Melayu. Peranan guru dalam pengajaran BM sangat penting dapatan ini juga disokong dalam kajian Sharala et al. (2014).

SPBM kemahiran menulis ini merupakan strategi yang ketiga paling kerap murid gunakan. Terdapat dua item sahaja menunjukkan tahap yang paling tinggi. Murid kaum Cina gemar menggunakan strategi menulis perkataan BM yang mudah difahami. Mereka juga menggunakan kamus sebagai strategi mereka dalam mempelajari BM. Dengan bantuan daripada kamus ini, murid kaum Cina dapat mencari perkataan dalam BM dengan lebih mudah dan cepat. Strategi yang digunakan oleh murid kaum Cina ini dapat meningkatkan pemahaman mereka dalam BM dengan melihat maksud perkataan, di samping dapat membantu mereka dalam penulisan BM. Selain itu, mereka mengetahui lebih banyak perkataan BM dan dapat meningkatkan pemahaman mereka. Walau bagaimanapun, strategi ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap sederhana dengan min 3.43. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Kamarul Shukri (2010), Mastura dan Kaseh (2012) dan Suhaida (2015). Selain itu, dapatan kajian menyamai dapatan kajian lain, iaitu Wan Mohd Hamdi (2008), dan Suhaida (2015) melaporkan murid menggunakan SPB dalam kemahiran menulis.

SPBM kemahiran membaca merupakan strategi yang paling rendah atau kurang digunakan oleh murid kaum Cina dalam mempelajari BM.

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa strategi membaca yang digunakan oleh murid kaum Cina berada pada tahap sederhana dengan min = 3.29. Hanya satu sahaja item yang menunjukkan min yang tinggi daripada sepuluh item yang menunjukkan tahap yang rendah. Murid kaum Cina kurang menggunakan strategi dalam kemahiran membaca. Hal ini dibuktikan hanya satu sahaja item yang mendapat min yang tinggi, iaitu menggunakan strategi “mencari bahan bacaan yang mudah difahami. Daripada dapatan ini menunjukkan murid kaum Cina masih lagi mencari bahan yang mudah dibaca dalam mempelajari BM. Bahan bacaan yang mudah difahami ini sahaja yang dapat membantu mereka dalam mempelajari BM. Bahan bacaan yang sukar difahami akan menyebabkan murid tidak faham dan akan menyebabkan murid tidak akan membaca. Kekurangan membaca bahan dalam BM menyebabkan murid kaum Cina kurang menggunakan strategi kemahiran membaca. Dapat ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Zamri et al. (2000) yang menyatakan bahawa murid bukan Melayu khususnya murid kaum Cina kurang membaca bahan yang ditulis dalam BM. Hal ini menimbulkan masalah kepada mereka seperti untuk membaca soalan peperiksaan. Dapatan ini juga disokong dalam kajian Kamarul Shukri (2010), Mastura & Kaseh (2012), Sharala et al. (2014) dan Suhaida (2015).

Sikap Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan sikap murid kaum Cina terhadap pembelajaran BM menunjukkan tahap yang sederhana (min = 3.49). Daripada dapatan ini menunjukkan setiap murid mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa BM ini penting kerana merupakan syarat dalam memasuki institusi pengajaran tinggi. Mereka tidak berminat untuk mendapat keputusan yang baik dalam BM, tetapi sekadar lulus sahaja dalam peperiksaan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian lepas iaitu Muhammed Amin (1996), Zamri (2004) dan Kamarul Shukri (2009).

Selain ini, dapatan menunjukkan bahawa murid kaum Cina ini mempunyai masalah dalam mempelajari BM. Hal ini berkemungkinan sukanan pembelajaran BM yang terlalu luas. Selain itu, guru juga kurang memberi tumpuan kepada murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran. Item "BM senang untuk dipelajari" (min = 2.99) juga menunjukkan min yang rendah. Murid kaum Cina ini mempunyai masalah dalam mempelajari BM kerana BM merupakan subjek yang susah untuk dipelajari. Hal ini juga disebabkan BM merupakan bahasa kedua bagi murid. Oleh sebab itu, murid kaum Cina sukar menguasai BM dan menghadapi masalah.

Untuk mengatasinya, guru BM haruslah memainkan peranan yang sangat penting dalam masalah ini. Guru BM harus mengetahui masalah yang dihadapi oleh murid dan segera membantu murid supaya mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran. Lantaran itu, guru haruslah menggunakan strategi yang sesuai digunakan dalam pelajaran dan murid dapat mempraktikkan ketika mereka mengulang kaji pelajaran. Dapatan kajian selari dengan kajian Abdul Rashid (2010) mendapati murid kaum Cina mempunyai masalah dalam pembelajaran BM kerana sukar untuk dipelajari. Selain itu, dapatan ini disokong dalam kajian Abdul Rahim dan Mohd Sharifudin (2014).

KESIMPULAN

Berdasarkan pada perbincangan dapat dirumuskan bahawa kajian ini dapat memberi manfaat kepada para guru dan tenaga pengajar BM. Bukan itu sahaja, ia juga memberikan faedah kepada murid bukan Melayu dalam mempelajari BM sebagai bahasa kedua. Setiap strategi yang digunakan dalam kemahiran bahasa dapat dimanfaatkan dan diperaktikkan oleh murid bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa murid dalam kemahiran bahasa. Tambahan pula, guru-guru dan tenaga pengajar boleh merancang pengajaran dengan lebih baik berdasarkan kemampuan murid yang berbeza-beza dalam kemahiran bahasa. Dengan mengenal pasti SPB yang dikuasai oleh murid, guru dapat merancang pengajaran dengan lebih sistematis. Oxford dan Erhman (1995) menyatakan guru yang mengajar bahasa dengan baik akan mempengaruhi murid belajar bahasa dengan baik. Murid akan menggunakan pelbagai SPB seperti mana yang digunakan oleh guru di

dalam kelas. Akhir sekali, kajian ini akan dapat memberi ruang kepada murid bukan Melayu dalam mempelajari BM dan meningkatkan penguasaan mereka dalam BM.

RUJUKAN

- Abdul Rahim & Mohd Sharifudin. 2014. Sikap kanak-kanak orang asli di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2): 57-66.
- Abu Talib Abdullah. 1998. Gaya dan strategi pembelajaran Melayu di kalangan pelajar tingkatan 4 daerah Johor Bahru. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ehrman, M.E. & Oxford, R.L. 1990. Adult language learning styles and strategies in intensive training setting. *Modern Language Journal*, 74 (3): 311-327.
- Ellis, R. 1994. *The study of second language acquisition*. Oxford: University Press.
- Green, J.M. & Oxford, R.L. 1995. A closer look at learning strategies: L2 proficiency, and gender. *TESOL Quarterly*, 29 (2): 261-297.
- Jamil Ahmad. 2002. *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod. 2011. Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 13-25.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. *Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. 2009. Language learning strategies and motivation among religious secondary school students. *The International Journal of Language Society and Culture*, 71-79.
- Manprit Kaur & Mohaamed Amin Embi. 2011. Language learning strategies employed by primary school student. *European Jurnal of Education Studies*, 3(3).

- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. 2012. Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.
- Mohamed Amin. 1996. Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia. Tesis Ph.D. University of Leeds.
- Mohamed Amin. 2000. *Language learning strategies: A Malaysia context*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Shiham. 2010. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab Ab Initio dalam kalangan pelajar Kolej Mara Banting. Kertas projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. 2004. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badushah & Fairose Sulaiman. 2010. Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat menengah rendah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa Melayu 12-18 Jun*.
- Nur Ainil Sulaiman. 2013. Language learning strategies used by PERMATA pintar gifted students. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oxford, R. 1990a. *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York : Newbury House / Harper & Row.
- Oxford, R. 1990b. *Language learning strategies*. Boston : Heinle & Heinle Publishers.
- Rubin, J. 1987. *Learner strategi: The oretical assumptions, research history, andtypology*. Dlm. Weden, A. & Rubin, J. (Pnyt). *Learner in strategies in language learning*, Hlm. 15 (30). Englewood Cliffs, Nj: Prentice Hall.
- Sharala Subramaniam, Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi & Mohamed Amin. 2014. Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2): 25-35.
- Suhaidah Abdul Samat. 2015. Strategi pembelajaran nahu bahasa Arab di sekolah menengah agama negeri (SMAN) Perak. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yong Chyn Chye, Siti Saniah, Chan Tze-Haw, Vijayaletchumy. 2010. *Strategi pelajar antarabangsa belajar Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi*. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November,
- Zamri Mahamod & Zarina Othman. 2001. Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, 40-43.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi. 2005. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca. *Jurnal Teknologi*, 42 (E), 1-18.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi. 2005. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca. *Jurnal Teknologi*, 42 (E), 1-18.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin, Noriah Mohd Ishak & Juriah Long. 2003. *Strategi pembelajaran bahasa antara pelajar S.E.S tinggi dengan pelajar S.E.S. rendah*. Kertas Kerja International Conference on Teaching and Teacher Education. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, 19-18 September.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu sekolah menengah. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zamri Mahamod. 2007. *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pemerolehan bahasa pertama dan kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd
- Zamri Mahamod. 2015. *Strategi belajar: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. 1996. *Bahasa, konsep, fungsi dan penguasaannya oleh penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.